

04 MAR 1998

WAKIL BRITAIN DI SINI UTK BINCANG CADANGAN TABUNG AMANAH ASEM

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Berbekalkan mesej "Masalah Asia adalah Juga Masalah Eropah," wakil khas Perdana Menteri Britain Tony Blair, Derek Fatchett, tiba di sini hari ini untuk membincangkan cadangan sebuah Tabung Amanah Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) untuk membekalkan bantuan teknikal bagi penyusunan semula kewangan berikutan kegawatan kewangan Asia.

Tabung amanah itu telah dicadangkan oleh United Kingdom dan akan ditubuhkan di bawah Bank Dunia, Fathett, yang juga mewakili Pejabat Presiden Kesatuan Eropah, memberitahu persidangan akhbar.

"Kami telah mengapungkan ide itu dan kini kami terpaksa mengusahakan perincian dan menjadikan ide itu satu realiti yang praktikal," tambah Fatchett, yang menurunkan ide itu kepada Thailand, Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Beliau telahpun melawat Thailand dan dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim petang ini.

Fatchett juga akan membincangkan dengan Mahathir dan Anwar ide Kumpulan Tujuh mengadakan pembiayaan jangka pendek untuk membantu syarikat-syarikat Asia. Juga, beliau akan menyampaikan cadangna UK untuk membantu pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di UK.

Mengenai Tabung Amahah ASEM yang dicadangkan itu, katanya ia terbatas kepada bantuan teknikal memandangkan negara-negara Eropah telahpun menyumbang dengan besarnya kepada pakej penyelamat di bawah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Kami berpendapat sumbangan terbaik bukan meniru bantuan (IMF) tetapi menawarkan kepakaran teknikal UK dan Eropah yang mungkin berkesan. Jumlah wang tidak penting," katanya.

Tabung amanah itu, jelas beliau, akan membolehkan Malaysia dan negara-negara lain yang terjejas oleh krisis ekonomi mengambil daripada perkhidmatan, kepakaran dan pengalaman yang ada di Eropah.

Katanya tabung itu akan mempunyai kesan sokongan yang penting ke atas sektor perkhidmatan kewangan rantau ini, yang perlu memasukkan keterbukaan dan ketelusan.

"Kami boleh membuat sumbangan ke arah memastikan bahawa penyusunan semula dijalankan dalam cara yang cekap. Mungkin kami tidak sentiasa dipuji, tetapi sebenarnya kami setiasa terbabit dengan inisiatif untuk membantu syarikat-syarikat Asia."

Menyatakan pentingnya bagi Eropah dan Asia bekerja dalam perkongsian dan kerjasama, katanya: "Kami datang dengan rendah diri kerana ada masanya apabila Eropah juga mempunyai masalah.

"Pada peringkat tertentu, mungkin giliran Eropah mempunyai masalah dan dalam hal itu ia mahu Asia membantunya. Jadi kedua-dua pihak mempunyai kepentingan bersama... apabila seorang itu bermasalah, yang lain berdiri di belakangnya." -- BERNAMA

MSL OS